

## **PERANAN QAWAID FIQHIYYAH DALAM DAKWAH SEMASA SITUASI PENULARAN WABAK**

Khazri Osman, Mohamad Zulkifli Abdul Ghani & Najihah Abd. Wahid

### **Abstrak**

Gagasan *qawaid fiqhiyyah* mencerminkan kewibawaan ulama Islam berijtihad bagi memastikan masyarakat terus berada dalam hukum yang betul sekali gus menghindarkan kekeliruan. Jika sesuatu hukum atau syariat masih kekal dengan hanya berpandukan nas-nas yang statik tanpa membuka ruang untuk ijtihad, hukum dan syariat itu akan dianggap tertinggal di belakang. Ijtihad membolehkan syariat memenuhi keperluan dan perubahan kehidupan yang memerlukan penyelesaian yang tuntas. Biarpun ruang ijtihad dibuka, perkara *dawabit* atau tetap seperti akidah ketuhanan dan prinsip asas hukum tidak dibenarkan ijtihad. Sebarang isu baharu perlu dipastikan sama ada isu boleh dikendalikan secara ijtihad atau sebaliknya. Semasa menghadapi situasi penularan wabak, pendakwah berhadapan dengan pelbagai isu yang dibangkitkan oleh masyarakat. Selain menjawab setiap permasalahan yang ditimbulkan itu dengan berdalilkan al-Quran dan hadis, da'i juga sewajarnya menerapkan *qawaid fiqhiyyah* bagi mengukuhkan hujah.

### **Qawaid Fiqhiyyah Sebagai Sumber Hukum**

Islam adalah agama yang mudah dan sesuai dengan fitrah kejadian manusia. Dalam pengamalan hukum Islam, terdapat kaedah-kaedah tertentu yang telah diguna pakai bagi melaksanakan sesuatu perkara supaya ia tidak berlawanan dengan al-Quran dan al-Sunnah. Sesuai dengan sumber hukum Islam iaitu al-Quran, al-Sunnah, al-Ijma' dan al-Qiyas, maka ruang perbincangan sesuatu hukum terbuka luas mengikut peredaran zaman dan masa tetapi masih lagi dalam ruang lingkup yang tidak berlawanan dengan al-Quran dan al-Sunnah. Pintu ijtihad telah digunakan sepenuhnya oleh para ulama yang mujtahid bagi membincangkan perkara-perkara baharu yang memerlukan kepada satu hukum yang disepakati untuk kesejahteraan manusia. *Qawaid fiqhiyyah* antara ilmu yang muncul bagi membincangkan permasalahan hukum yang berlaku (Kalsom Awang & Abidin & Mohd Zahirwan Halim Zainal Abidin 2011). Penggunaan kaedah ini bukan hanya terhad kepada soal hukum yang berkait dengan ibadat semata-mata akan tetapi dapat digunakan dalam konteks yang lebih luas termasuklah dalam situasi penularan wabak.

### **Pemakaian Qawaid Fiqhiyyah dalam Dakwah Semasa Situasi Penularan Wabak**

- a) Segala urusan berdasarkan niatnya (*al-umur bi maqasidiha*). Kaedah ini menunjukkan bahawa amalan seseorang akan memberi kesan hukum yang berbeza disebabkan perbezaan niat. Sejak bermulanya perintah kawalan pergerakan (PKP) 18 Mac 2020, semua masjid dan surau Jumaat di

Malaysia diarahkan tutup. Hal ini selaras dengan Resolusi Dalam Talian Ahli-Ahli Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia pada 20 Mac 2020 yang bersetuju untuk mengambil ketetapan supaya penangguhan semua aktiviti masjid dan surau termasuk solat Jumaat dan solat berjemaah. Hal ini bukan berlaku di Malaysia sahaja bahkan seluruh dunia menyaksikan masjid ditutup termasuk Masjidilharam dan Masjid Nabawi. Solat berjemaah termasuk solat zuhur yang menggantikan fardu Jumaat hanya dilakukan di rumah. Namun begitu, pendakwah berdepan dengan segelintir masyarakat awam yang mempersoalkan larangan ini. Mereka membawa pelbagai hujah termasuklah hadis yang direkodkan oleh Tirmizi (1988) yang bermaksud: "Sesiapa yang meninggalkan solat Jumaat sebanyak tiga kali tanpa keuzuran, hatinya akan berubah menjadi hati orang Munafik." Untuk menjawab hujah ini, mereka hendaklah difahamkan bahawa individu diberikan rukhsah untuk meninggalkan solat Jumaat lebih-lebih lagi jika dibimbangkan penularan penyakit. Orang yang wajib mengerjakan Jumaat tetapi terhalang untuk mengerjakannya akibat penutupan masjid, tetap beroleh pahala walaupun dia solat zuhur di rumah, selagi mana hatinya tetapi berniat untuk ke masjid berdasarkan kaedah "segala urusan berdasarkan niatnya." Sementelahan pula ada hadis yang direkodkan oleh Bukhari (2000) yang bermaksud: "Jika insan itu sakit atau bermusafir, maka akan diberi ganjaran pahala seperti yang pernah dia amalkan ketika tidak bermusafir dan ketika sihat."

- b) Keyakinan tidak boleh dihilangkan dengan syak (*al-yaqin la yazul bi al-shakk*). Kaedah ini menunjukkan bahawa amalan dilakukan dengan penuh keyakinan tidak boleh dirosakkan oleh keraguan kecuali dengan keyakinan juga. Dengan maksud yang lain, setiap perkara yang tetap tidak akan berubah disebabkan kehadiran bukti yang mengandungi syak kerana yakin dan syak itu dua perkara yang bertentangan. Sesuatu perkara itu hanya boleh dikategorikan sebagai yakin setelah mendapat bukti daripada penyelidikan yang boleh mensabitkan kewujudan perkara tersebut Dalam situasi penularan wabak COVID-19 di Malaysia, pendakwah berdepan dengan penyebaran berita palsu dalam masyarakat. Bahkan ada analogi mengatakan penyebaran berita palsu lebih cepat berbanding penularan COVID-19. Hal ini demikian kerana ramai pengguna media sosial seakan-akan mengambil alih tugas wartawan menyebarkan maklumat tanpa mengira masa. Buktinya, dalam tempoh PKP sehingga 11 Jun 2020, sebanyak 330 penafian dan penjelasan tentang berita palsu telah dijelaskan kepada masyarakat, 266 kertas siasatan dibuka oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) berhubung berita palsu berkaitan COVID-19. Setakat tarikh itu

juga, 30 kes telah didakwa di mahkamah, 11 diberikan notis amaran dan 18 telah mengaku bersalah.

- c) Kesulitan membawa keringanan (*al-mashaqqah tajlib al-taysir*). Kesulitan yang dimaksudkan dalam kaedah ini bukan kesusahan biasa tetapi kesusahan yang luar norma menurut pertimbangan syarak. Kesulitan tersebut sampai ke tahap memudaratkan nyawa atau harta benda. Jika segelintir masyarakat mempertikaikan penutupan dan larangan mengadakan sebarang aktiviti di masjid, pendakwah boleh menggunakan kaedah “kesulitan membawa keringanan ini”. Pasti wabak COVID-19 boleh dikategorikan sebagai kesukaran yang boleh meringankan atau menggugurkan tuntutan ibadat kerana dibimbangkan kehilangan nyawa. Sehingga 26 Ogos 2020, Malaysia mencatatkan lebih 9000 kes dengan 125 kematian (Kementerian Kesihatan Malaysia 2020). Sekiranya masjid terus dibuka untuk pelbagai aktiviti, maka orang ramai akan terus berhimpun dan mungkin menyebabkan bilangan kes akan terus meningkat. Pendakwah juga boleh menggunakan kaedah lain yang termasuk dalam *al-mashaqqah tajlib al-taysir* seperti “kemudahan mengharuskan perkara yang dilarang.” Contohnya dalam keadaan biasa, perbuatan menggantikan solat Jumaat dengan solat zuhur di rumah secara sengaja memang dilarang. Akan tetapi dalam situasi penularan wabak, cara itu dibenarkan.
- d) Kemudahan perlu dihapuskan (*al-darar yuzal*). Kaedah ini dianggap sebagai kaedah asas menjelaskan hukum berkaitan darurat. Maksudnya, sebarang unsur darurat yang terdapat dalam sesuatu keadaan mesti dihilangkan. Pada 11 Jun 2020, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) mengumumkan Malaysia menangguhkan penghantaran jemaah haji tahun 2020 berikutan penularan wabak COVID-19. Meskipun penangguhan ini melibatkan kerajaan Arab Saudi secara langsung, pendakwah berdepan dengan masyarakat yang kecewa dengan keputusan tersebut lantaran sudah lama menunggu giliran dan persediaan yang mencukupi. Salah satu cara untuk pendakwah menenangkan golongan ini adalah dengan menggunakan kaedah fiqah “kemudahan perlu dihapuskan.” Dalam konteks ini akibat buruk yang terhasil akibat penularan COVID-19 termasuk dalam kemudahan dan cara menghapuskannya daripada merebak adalah dengan menangguhkan ibadah haji. Selain kaedah ini, terdapat juga kaedah fiqah lain yang boleh digunakan iaitu “menolak kemudahan terlebih utama daripada meraih kepentingan atau maslahat.” Maslahat ialah sesuatu yang berfaedah atau usaha yang boleh mendatangkan sesuatu yang berguna (Kamus Dewan Edisi Keempat 2005). Manakala maslahat di sisi syarak berkonsepkan penghasilan manfaat dan penolakan kemudahan yang bertujuan memelihara *maqasid syariah* yang menjaga dan memastikan pemeliharaan

lima perkara iaitu agama, diri, akal, zuriat dan harta. Ibadah haji sememangnya mengandungi maslahat yang penting untuk umat Islam tetapi mudarat yang dijangkakan berlaku hasil perhimpunan kira-kira dua juta umat Islam dari seluruh dunia di sewaktu musim haji amat wajar ditolak. Maka dalam hal ini pelaksanaan ibadat haji tahun 1441 hijrah sewajarnya ditangguhkan.

- e) Adat yang menjadi kebiasaan menentukan hukum (*al-'adah muhakkamah*). Kaedah ini mendidik umat Islam agar meraikan *'urf* atau amalan kebanyakan ahli masyarakat yang tidak bertentangan dengan nas syarak diambil kira sebagai asas penentuan hukum. Ulama usul fiqah bersepakat bahawa adat yang tidak menyalahi dalil syarak, sama ada adat yang umum mahupun yang khas, sama ada yang *lafzi* iaitu secara lafaz mahupun *qawli* iaitu perkataan dapat dijadikan hujah untuk menetapkan hukum Islam. Imam al-Qarafi, mujtahid yang bermazhab Maliki berpandangan, mujtahid seharusnya mengkaji kebiasaan yang berlaku dalam masyarakat setempat terlebih dahulu agar hukum yang ditetapkan itu tidak bertentangan dengan kemaslahatan masyarakat tersebut. Al-Shatibi dan Ibn Qayyim al-Jawziyah menyetujui pandangan al-Qarafi bahawa *al-'adah* boleh diterima sebagai dalil untuk menetapkan hukum dengan syarat tiada nas yang menjelaskan hukum masalah yang dihadapi (Setiyawan Gunardi et al. 2017). Bersalaman atau berjabat tangan boleh mewujudkan mahabbah. Selain menyebarkan kasih sayang antara anggota masyarakat Muslim, berjabat tangan juga meredakan permusuhan dan menghilangkan perasaan hasad dengki. Penularan wabak menyebabkan amalan berjabat tangan tidak lagi menjadi amalan. Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah memperkenalkan amalan tanda hormat lain bagi mencegah jangkitan COVID-19. Rakyat diminta meletakkan tangan kanan di dada kiri sebagai tanda hormat sambil mengucapkan salam, menggantikan bersalaman dan bersentuhan. Pendakwah berdepan dengan segelintir anggota masyarakat yang berhujah menggunakan hadis Nabi SAW yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad bin Hanbal sebagaimana dinyatakan dalam perenggan sebelum ini, bahawa berjabat tangan itu boleh menghapuskan dosa. Pendakwah boleh menjawab hujah ini dengan menggunakan kaedah fiqah “adat yang menjadi kebiasaan menentukan hukum” kerana normal baharu kini telah menjadi adat kebiasaan dalam masyarakat. Penganut di rumah ibadat tidak dibenarkan berkongsi peralatan dan bahan sembahyang, tidak bersalaman dan bersentuhan dan tidak boleh menyediakan jamuan makanan. Jika hukum asal solat berjemaah dan Jumaat pun boleh berubah, apalagi hukum bersalaman.

## Kesimpulan

Sebagai mekanisme penetapan hukum yang penting dalam disiplin fiqah, *qawaid fiqhiyyah* menatijahkan sesuatu yang baik dan diterima hasil kesimpulan yang bersifat induktif terhadap hukum-hakam fiqah yang telah dibahaskan dalam permasalahan. Melalui formula-formula umum ini, fuqaha dapat membuat kesimpulan hukum baharu yang tidak pernah ditetapkan sebelumnya. Berpandukan *qawaid fiqhiyyah*, pendakwah dapat membuktikan disiplin hukum Islam mampu berinteraksi dengan perubahan yang berlaku dalam masyarakat kesan daripada perubahan masa, lokasi, adat dan suasana.

## Rujukan

### *Al-Quran*

- Abdul Manan Ismail. 2005. Kaedah-kaedah fiqh: satu pengenalan ringkas.
- Abu Dawud, Sulayman al-Ash'ath. 2009. *Sunan Abi Dawud*. Shu<sup>c</sup>ayb Arnaut (pnyt.). Dar al-Risalah al-Ḥadithah.
- Ahmad bin Hanbal, Muhammad Ahmad. 2001. *Musnad Al-Imam Ahmad Bin Hanbal*. Shu<sup>c</sup>ayb al-Arnaut (pnyt.). Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Bukhari, Muhammad Ismail. 2000. *Sahih Al-Bukhari*. Muḥammad Zuhayr Nāṣir Al-Nāṣir (pnyt.). Dār Ṭawq al-Najāh.
- Ghazālī, Abu Ḥamid Muhammad Ahmad. 2004. *Ihya' Ulum Al-Dīn*. Beirut: Dār al-Ma<sup>c</sup>rifah.
- Ibn Nujaym, Zain al-Abidin Ibrahim. 2017. *Al-Ashbah Wa Al-Nazāir*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Kalsom Awang & Abidin & Mohd Zahirwan Halim Zainal Abidin. 2011. Pengaplikasian qawa'id fiqhiyyah dalam pengurusan alam sekitar. *Jurnal Perspektif*. 3 (1):39-59.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. 2005. *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Kementerian Kesihatan Malaysia. 2020. Situasi semasa pandemik Covid-19 di malaysia. [http://Covid-19.moh.gov.my/archive:aug\\_2020](http://Covid-19.moh.gov.my/archive:aug_2020) [27 August 2020].
- Mohd Fauzi Hamat & Mohd Sobri Ellias. 2010. Aspek-aspek pemikiran kritis dalam al-qawa'id al-fiqhiyyah. *Jurnal Syariah*. 18 (3):527-64.
- Muslim, Muslim Ḥajjāj. 2006. *Sahīḥ Muslim*. Riyadh: Dar Tibah.
- Qasimi al-Mazahiri, Abu al-Kalam Shafiq. 2015. Qaidah : yutahammal al-darar al-khas li daf'i al-darar al-am. <https://www.alukah.net/sharia/0/87383/> [31 August 2020].

Setiyawan Gunardi, Mualimin Mochammad Sahid, Amir Husin Mohd Nor, Azman Ab. Rahman, Muneer Ali Abdul Rab, Mahmoud Mohamed Ali, Fithriah Wardi, Nik Rahim Nik Wajis, Mohamad Ikwan Hami. 6AD. Konsep al-'Adah muhakkamah dalam pewarisan tanah adat menurut adat perpatih di malaysia. *Malaysia Journal of Syariah and Law*. 2017:.

Siti Fariza M.F., Hasanah A.K, Irwan M.S, Azman A.R. 2016. Aplikasi kaedah fiqh al-darurat tuqaddar biqadariha dalam agihan zakat untuk mangsa banjir. *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa*. 8:70–90.

Tirmizi, Muhammad Isa. 1988. *Sunan Al-Tirmizi*. Beirut: Dar al-Gharb al-Islami.

Zahari Mahad Musa. 2016. Konsep keselamatan rumah kediaman menurut kaedah fiqh. *Journal of Contemporary Islamic Studies (JCIS)*. 2 (2):125–41.

**Penulis:**

Khazri Osman  
Pusat Kajian Dakwah & Kepimpinan, UKM  
[khazri@ukm.edu.my](mailto:khazri@ukm.edu.my)

Mohamad Zulkifli Abdul Ghani  
Pusat Kajian Dakwah & Kepimpinan, UKM  
[zulghani@ukm.edu.my](mailto:zulghani@ukm.edu.my)

Najihah Abd. Wahid  
Institut Penyelidikan Produk & Ketamaduna Melayu Islam  
[anajihah@unisza.edu.my](mailto:anajihah@unisza.edu.my)